

19/07/1999

## Perpaduan MCA senjata Barisan Nasional

Kadir Dikoh

PERHIMPUNAN agung ke-46 MCA yang berakhir semalam, membawa mesej tersendiri yang menjurus kepada memantapkan lagi jentera parti dan Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan sasaran bagi memastikan BN memenangi majoriti dua pertiga.

Malah, suasana yang jarang berlaku berbanding keadaan sebelum ini ialah perhimpunan kali ini menyaksikan beberapa perwakilan turut mengutuk Pas selain serangan berterusan kepada musuh utamanya, DAP.

Perwakilan sepakat mahu rakyat keturunan Cina di negara ini menolak pakatan pembangkang, yang dianggotai DAP, Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Serangan terhadap Pas berkisar kepada perubahan parti pembangkang itu yang mahu memancing masyarakat Cina menganggotainya dan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Perwakilan mengecam Pas kononnya mahu mempertahankan hak orang Cina jika Pas memerintah. Kenyataan seorang ahli Pas, Datuk Dr Harun Din yang mahu membawa Perlis keluar dari Malaysia jika Pas memerintah, turut dikecam hebat.

Laungan 'Hidup Barisan' yang bergema di Wisma MCA pada penutup perhimpunan itu semalam juga jelas menunjukkan bahawa MCA bersedia membantu dan bersama parti komponen lain dalam BN, menghadapi pakatan pembangkang dalam pilihan raya umum nanti.

"MCA semakin kuat untuk menghadapi pembangkang terutama DAP." Itu antara kata-kata pertama diluahkan oleh Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dalam sidang akhbar sebaik perhimpunan itu berakhir.

Malah, beliau menerima tepukan gemuruh daripada 2,411 perwakilan apabila mengungkapkan kata-kata bahawa 'pentas sudah siap' yang ditujukan kepada DAP dalam ucapan penggulungannya.

"Sekarang semua senjata mesti diacukan keluar, tidak ke dalam," katanya kepada pemberita kemudian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmian di perhimpunan itu kelmarin meminta masyarakat Cina memastikan kemenangan dua pertiga BN pada pilihan raya akan datang dan tidak perlu cuba untuk mengimbangi kekuatan pembangkang dan kerajaan.

Pesanan itu bagaikan memberi semangat baru kepada perwakilan dengan tekad untuk menggerakkan jentera semantap mungkin bagi kemenangan majoriti dua pertiga BN.

Selain itu, permuafakatan juga jelas tercetus di kalangan ahli MCA. Permuafakatan itu mula menjelma apabila jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan semua 25 ahli jawatankuasa pusat menang tanpa dicabar. Kemudian dalam perbahasan di hari terakhir perhimpunan itu semalam, perwakilan MCA mahu melangkah setapak lagi dengan mengusulkan supaya syarat lebih ketat dikenakan kepada sesiapa yang ingin bertanding jawatan utama dalam parti.

Mereka mahu syarat sekurang-kurangnya pencalonan 10 bahagian bagi melayakkan seseorang bertanding jawatan Presiden parti itu. Cadangan itu, turut merangkumi jawatan timbalan presiden dan empat naib presiden.

Rasionalnya ialah bagi mengelak seseorang calon yang tidak serius dan sambil lewa bertanding jawatan tertinggi terutama jawatan Presiden. Cadangan itu mirip kepada pendekatan diamalkan Umno sebelum ini.

"Kita tidak mahu seseorang calon mencabar presiden atau timbalan presiden dengan niat semata-mata untuk kepentingan diri atau kumpulannya

kerana ingin membalas dendam. "Dengan hanya menerima satu pencalonan dan kemudian mencabar jawatan tertinggi, bukan saja memberi `kepuasan' kepada individu atau kumpulan itu, malah akan menjadikan perpaduan parti lebih parah," kata seorang perwakilan MCA ketika ditemui. Oleh itu, 10 pencalonan dianggap memadai atau jika boleh, sehingga 15 pencalonan sebagai syarat melayakkan sesiapa sahaja bertanding jawatan Presiden kerana jumlah pencalonan sebanyak itu mungkin boleh menggambarkan kesungguhan serta sokongan di peringkat bawahan.

Bagi tujuan itu, MCA akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji bukan saja soal pencalonan 10 bahagian itu malah beberapa cadangan lain yang dibangkitkan.

Malah dalam kempen sengit bagi jawatan Naib Presiden tiada kegiatan yang tidak diingini berlaku.

"Mereka (calon dan wakilnya) menjalankan kempen dalam suasana disiplin yang tinggi. Tidak ada cerca mencerca, surat layang dan penggunaan wang ringgit," kata Dr Ling.

Malah, wakil calon menggunakan pelbagai cara untuk menarik perhatian perwakilan. Ini termasuk keratan akhbar mengenai kenyataan dan kejayaan calon terutama dalam menerajui kementerian masing-masing. Profil calon turut disenaraikan termasuk pendidikan universiti dan sejarah hidupnya.

(END)